

# Langkah strategik perkukuh kecekapan sektor awam

**Kuala Lumpur:** Dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) yang mula berkuat kuasa semalam disifatkan sebagai satu langkah strategik dalam memperkukuh kecekapan perkhidmatan awam serta menyokong kelestarian sumber negara.

Jabatan Perdana Menteri dalam kenyataan berkata, pelaksanaan ini membabitkan kementerian, agensi kerajaan dan badan berkanun, selain pengaturan waktu kerja fleksibel turut diperluaskan kepada syarikat berkaitan kerajaan dan syarikat pelaburan kerajaan (GLC/GLIC).

“Inisiatif ini bukan saja mencerminkan kecekapan tadbir urus, malah berperanan penting dalam pengurangan penggunaan bahan api, seterusnya memastikan kestabilan dan keupayaan bekalan tenaga serta mengurangkan perbelanjaan melalui langkah penjimatan berhemah.

“Dengan memanfaatkan teknologi digital dan pengurusan masa yang efisien, warga kerja digesa terus mengekalkan tahap produktiviti, integriti dan profesionalisme yang tinggi dalam pelaksanaan dasar ini.

“Orang ramai disaran terus mendapatkan maklumat terkini melalui saluran rasmi kerajaan,” menurut kenyataan itu.

# Perdana Menteri arah KSN pantau rapi pelaksanaan

**Putrajaya:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan supaya pelaksanaan dasar Bekerja Dari Rumah (BDR) bagi sektor awam Persekutuan dipantau rapi dengan memastikan keberadaan penjawat awam yang diberi kelonggaran pada setiap masa.

Jurucakap Kerajaan, Datuk Fahmi Fadzil, berkata Perdana Menteri menyampaikan arahan itu Ketua Setiausaha Negara (KSN), Tan Sri Shamsul Azri Abu Bakar, ekoran bermulanya hari pertama BDR mulai semalam.

Bellau berkata, biarpun diberikan kelonggaran untuk BDR, namun penyampaian perkhidmatan kerajaan kepada rakyat, khususnya urusan membabitkan kaunter perlu kekal beroperasi seperti biasa.

"Hari ini, 15 April juga hari pertama dasar BDR mula dilaksanakan bagi sektor perkhidmatan awam Persekutuan di seluruh negara.

"Perdana Menteri mengarahkan supaya KSN meneliti pelaksanaan termasuk pengesahan

keberadaan pekerja (penjawat awam) pada setiap masa, katanya pada sidang media selepas menghadiri Mesyuarat Jemaah Menteri, semalam.

Fahmi yang juga Menteri Komunikasi berkata, kerajaan juga menyarankan sektor swasta mempertimbangkan pelaksanaan dasar sama di organisasi masing-masing membabitkan bahagian yang tertentu yang difikirkan bersesuaian.

Dasar BDR mula dilaksanakan semalam bagi sektor perkhidmatan awam Persekutuan di seluruh negara, dengan penyampaian perkhidmatan kepada rakyat khususnya urusan di kaunter kekal berjalan seperti biasa.

Pelaksanaan itu membabitkan kira-kira 200,000 penjawat awam, antara langkah kesiapsiagaan strategik kerajaan untuk negara mendepani krisis tenaga global susulan konflik di Asia Barat.

Ia membabitkan penjawat awam Persekutuan di Putrajaya, Kuala Lumpur serta semua ibu



Kira-kira 200,000 penjawat awam Bekerja Dari Rumah sebagai langkah kesiapsiagaan strategik kerajaan untuk negara mendepani krisis tenaga global susulan konflik di Asia Barat.

(Foto Mohd Fadi Hamzah/BH)

negeri yang tinggal dalam jarak lebih lapan kilometer dari pejabat, dan tidak terpakai kepada petugas awam dalam sektor keselamatan dan pertahanan, kosihan

serta pendidikan.

Pelaksanaan dasar BDR bukan sesuatu yang baharu di negara ini kerana pernah dilaksanakan ketika negara berde-

pan pandemik COVID-19 pada 2020 apabila kerajaan ketika itu mengisytiharkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) di seluruh negara.

# Rutin kerja terancang bantu penjawat awam kekal fokus, produktif

## Penggunaan teknologi bantu kelancaran tugas antara kakitangan

Oleh Nuratikah Athilya Hassan  
nuratikah@bh.com.my

**Kuala Lumpur:** Perancangan awal dan disiplin kerja menjadi kunci utama bagi memastikan kelancaran pelaksanaan Bekerja Dari Rumah (BDR), khususnya pada hari pertama pelaksanaannya.

Penolong Pegawai Tadbir Depot Simpanan Pertahanan Sungai Buloh, Maria Liza Noriozaman, berkata rutin hariannya berjalan seperti biasa susulan persediaan awal yang dilakukan sebaik pengumuman BDR dibuat.

Katanya, beliau menyediakan senarai semak tugas lebih awal, termasuk mengemas kini kehadiran melalui sistem SpotMe yang ditetapkan Jabatan Perkhid-

matan Awam (JPA), selain berkongsi lokasi secara langsung bagi tujuan pemantauan.

"Selepas *clock in*, saya akan menyemak e-mel serta tugas yang tertangguh dan sedang berjalan. Setiap pagi juga diadakan sesi *morning prayer* bersama 11 kakitangan di bawah seliaan saya menerusi Google Meet.

"Sesi ini digunakan untuk berkongsi maklumat terkini, termasuk status di pejabat, khususnya daripada kakitangan yang tidak layak BDR, selain mengadakan perkongsian ilmu dan menghadiri kursus dalam talian," katanya kepada BH.

Mengulas cabaran utama, beliau mengakui komunikasi dua hala dan interaksi sosial bersama rakan sekerja agak terhad berbanding ketika berada di pejabat.

Bagaimanapun, katanya, penggunaan teknologi seperti Google Meet dan aplikasi WhatsApp membantu mengekalkan komunikasi yang berkesan dalam kalangan warga kerja.

"Bagi memastikan fokus dan produktiviti, saya sentiasa menegaskan kepentingan mematuhi senarai semak yang disediakan serta mengekalkan disiplin diri.

"Untuk kekal fokus sepanjang lapan jam bekerja di hadapan komputer memang mencabar, namun perlu ada keseimbangan dengan keperluan lain di rumah," katanya.

### Tidak jejas kecekapan

Dalam pada itu, beliau berpandangan pelaksanaan BDR tidak menjejaskan kecekapan penyampaian perkhidmatan kepada orang ramai memandangkan kebanyakan agensi kerajaan kini menawarkan perkhidmatan secara dalam talian yang boleh diakses pada bila-bila masa.

Bagaimanapun, bagi sektor yang memerlukan kehadiran fizikal, kaedah penggiliran dalam kalangan penjawat awam boleh dipertimbangkan bagi memastikan perkhidmatan terus berjalan lancar.

"Perancangan kerja yang sistematik serta keutamaan tugas amat penting bagi memastikan setiap tanggungjawab diselesaikan mengikut tempoh ditetapkan, termasuk menangani arahan ad hoc.

"Elemen *check and balance* antara pegawai dan kakitangan juga perlu bagi memastikan ke-

lancaran pelaksanaan tugas," katanya.

Mengulas pesanan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Sham-sul Azri Abu Bakar, Maria Liza berkata, penjawat awam perlu mengekalkan integriti, profesionalisme dan komitmen walau di mana mereka bertugas.

"Sebagai penjawat awam, kita membawa imej organisasi dan perlu memastikan prestasi serta produktiviti berada pada tahap terbaik walaupun bekerja dari rumah," katanya.

Beliau turut mengakui pengalaman pelaksanaan BDR ketika pandemik COVID-19 sebelum ini banyak membantu proses penyelesaian kali ini.

Katanya, antara perbezaan ketara pelaksanaan BDR kini ialah penggunaan sistem SpotMe yang memerlukan kemas kini setiap jam oleh penjawat awam layak.

"Selain itu, kelayakan BDR kini turut mengambil kira jarak kediaman melebihi lapan kilometer dari pejabat.

"Namun, saya percaya dalam tempoh percubaan ini, JPA akan terus melakukan penambahbaikan dari semasa ke semasa," katanya.